

JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN

- Punca Kuasa** 1. Ditubuhkan di bawah Seksyen 50 Perlembagaan, Universiti Sains Malaysia.
- Keanggotaan** 2. Pengerusi : Seorang ahli Lembaga Gabenor yang dilantik oleh Lembaga Gabenor Universiti
- Timbalan Pengerusi dan ahli : Seorang ahli Lembaga Gabenor yang mewakili Kementerian Kewangan
- Ahli-ahli : i. Naib Canselor atau wakil
ii. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa/ Penyelidikan dan Inovasi/ Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni/ Kelestarian dan Pembangunan Institusi)
iii. Seorang wakil yang dilantik oleh Senat
iv. Pendaftar
- Setiausaha : Bendahari
- Kuasa-kuasa** 3. i. Mengatur dan mengawal kewangan Universiti.
ii. Menimbang dan memperakukan Anggaran Belanjawan Universiti untuk kelulusan Lembaga Gabenor Universiti.
iii. Menimbang dan memperakukan Penyata Kewangan Tahunan kepada Lembaga Gabenor Universiti.
iv. Meluluskan dasar kewangan dan perakaunan Universiti.
v. Menimbang untuk menerimapakai Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan dan agensi Kerajaan yang lain.
vi. Meluluskan Dasar Fi bagi segala perkhidmatan, jualan, yuran, sewaan, aktiviti penjana pendapatan dan lain-lain wang yang kena dibayar kepada Universiti.
vii. Meluluskan Dasar Kadar Bayaran bagi perkhidmatan dan lain-lain bayaran yang perlu dibuat oleh Universiti.
viii. Meluluskan penubuhan kumpulan wang Universiti.
ix. Menerima apa-apa laporan kedudukan kewangan Universiti dari semasa ke semasa.
x. Meluluskan pelupusan harta Universiti dan hapuskira hutang kepada Universiti.
xi. Menubuhkan Jawatankuasa yang difikir patut oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti untuk perolehan, pelaburan, pelupusan aset dan lain-lain; serta menerima laporan daripada Jawatankuasa berkenaan.

JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN

- Perwakilan Kuasa**
4.
 - i. Dalam melaksanakan tugas, fungsi dan tanggungjawab, Jawatankuasa Tetap Kewangan boleh mewakilkan mana-mana dari fungsi dan tanggungjawab tersebut kepada mana-mana ahlinya.
 - ii. Perwakilan kuasa hendaklah dibuat secara bertulis oleh Setiausaha Jawatankuasa.
 - iii. Perwakilan kuasa di bawah fasal ini tidak menghalang jawatankuasa daripada menjalankan kuasa atau tanggungjawab berkenaan.
- Mesyuarat**
5.
 - i. Pengerusi Jawatankuasa hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat. Mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Jawatankuasa.
 - ii. Sekiranya Pengerusi tidak dapat hadir dalam satu Mesyuarat Jawatankuasa, seorang ahli Lembaga Gabenor yang hadir hendaklah dilantik sebagai Pengerusi.
- Kuorum**
6. Kuorum mesyuarat hendaklah terdiri daripada tiga (3) orang ahli termasuk Pengerusi.
- Minit**
7. Minit segala mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diedarkan untuk makluman Lembaga Gabenor Universiti.